

Memperingati 100 TAHUN Hassan Al-Banna



0.008
RID

PENYUSUN
Riduan Mohamad Nor

PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA



Cetakan Pertama: Januari 2007
Cetakan Kedua : Januari 2008

© Riduan Mohamad Nor (MA UKM)

Hakcipta terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dihasilkan semula, disimpan dalam sistem simpankekal, atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau sebarang cara sama ada secara elektronik, sawatan, salinan foto, mekanik, rakaman dan sebagainya tanpa terlebih dahulu mendapat izin bertulis daripada penerbit.

.

Penerbit:

JUNDI RESOURCES (1706325-W)

No. 6, Lot 2756

Lorong Padang Balang 8, Padang Balang

51100 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan

Tel: 019-372 8844

Dicetak Oleh:

HS Massyi Printing Sdn. Bhd.

40A, Jalan Selaseh Indah

Taman Selaseh (Fasa 1)

68100 Batu Caves

Selango Darul Ehsan

Tel: 603-6187 8697

Faks: 603-6186 6697

PUSTAKA PERDANA



1007548



ISI KANDUNGAN

Aluan Daripada Meja Penerbit	4
MEMPERINGATI 100 TAHUN HASSAN AL-BANNA	
1. PEMUDA YANG MERUBAH PETA DUNIA ISLAM	6
• <i>Dinamika Tarbiah dan Dakwah</i>	8
• <i>Peringkat Melakukan Perubahan</i>	12
• <i>Hassan Al-Banna Dan Politik Islam</i>	13
2. HASSAN AL-BANNA MENJUARAI ISU PALENTINE	17
• <i>Bantahan Awam Dan Protes Jalanan</i>	20
• <i>Hanya Jihad Al-Qital Sebagai Jawapan Kepada Yahudi</i>	21
• <i>Meninggalkan Ikhwanul Muslimin Sebagai Harta Ummat Di Abad Ini</i>	23
3. SAIFUL ISLAM: DIA ADALAH SEORANG AYAH, PENDIDIK, SUAMI DAN JUGA SEORANG INSAN	27
• <i>Seorang Lelaki Yang Beriman</i>	28
• <i>Keprihatinan Beliau Terhadap Kanak-Kanak</i>	28
• <i>Hassan Al-Banna Sebagai Ketua Keluarga</i>	29
• <i>Cara Beliau Dalam Mentarbiyah</i>	30
• <i>Hassan Al-Banna Sebagai Seorang Suami Dan Penghormatannya Kepada Kaum Keluarga Isterinya</i>	31
• <i>Hubungan Dengan Pembantu Rumah</i>	32
4. IMAN AL-BANNA... PERJALANAN YANG TIDAK BERKESUDAHAN	33
• <i>Permulaan Perjalanan</i>	33
• <i>Perwatakan Yang Memberikan Kesan Dan Pengaruh</i>	34
• <i>Karya-Karya Beliau</i>	37
• <i>Ulasan Artikel</i>	38
5. GAMBAR-GAMBAR LAMPIRAN	40-47
5. INILAH DIA HASSAN AL-BANNA YANG DIBUNUH OLEH MEREKA	50
6. HASSAN AL-BANNA DAN KEPINTARANNYA DALAM MEMBINA	53

7. BAHASA DARAH... SATU-SATUNYA BAHASA YANG DIFAHAMI OLEH YAHUDI	56
• <i>Perancangan Maut Dan Erti Penderitaan</i>	56
• <i>Respon Al-Banna menjawab Kepada (Kitab Putih)</i>	57
8. HASSAN AL-BANNA USIA YANG SINGKAT... KEJAYAAN YANG BESAR	60
• <i>Diantara Kelahiran Dan Syahid</i>	60
• <i>Antara Usia Dengan Kejayaan-Kejayaan Dan Pendirian</i>	60
• <i>Dua Puluh Dua Tahun</i>	61
• <i>Diantara Kelahiran Dan Kesyahidan Satu Keajaiban</i>	62
9. PERISTIWA KESYAHIDAN IMAM AL-BANNA	65
10. CATATAN PILU SANG AYAH	67
11. BIBLIOGRAFI	75
12. GAMBAR-GAMBAR LAMPIRAN	76-84

ALUAN DARIPADA MEJA PENERBIT

Lautan kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Rabbul Izzati yang Maha Pengasih terhadap makhlukNya. Selawat dan salam diutuskan buat junjungan Agung Nabi Muhammad SAW, kaum kerabat baginda, para sahabat dan tabiin serta seluruh pendukung yang ikhlas berjuang meneruskan mata rantai perjuangan dalam menegakkan agamaNya yang suci.

Buku ini diluncurkan ke tengah masyarakat untuk menambahkan koleksi pembaca berkaitan dengan tokoh pejuang Islam yang telah membina pemikiran dan perjuangan yang besar. Pemimpin dakwah abad 20 ini mempunyai pakej kepimpinan yang wajar diteladani oleh pewaris dakwah masa kini terutama dalam gelombang serangan pemikiran salibis-imperialis.

Hassan Al Banna telah menorah sejarah dengan jalur emas malah membenarkan janjinya kepada Allah SWT. Almarhum berkelana ke alam abadi selepas satu konspirasi membunuhnya pada 12 Februari 1949, beliau ditembak dalam keadaan yang cukup menyentuh perasaan, darah yang bergenang tumpah tidak dibenarkan untuk dirawat oleh pihak berkuasa. Darah yang harum mewangi ini telah menjadi baja kepada sebuah kebangkitan Islam yang akhirnya karya serta fikrah perjuangan Islam yang dicetuskan telah menjadi teks wajib kepada generasi kebangkitan Islam pada dekad-dekad 1970-an dan dekad 1980-an, malah sehingga kini.

Tidak ada penjuru dunia yang tidak tersentuh dengan pemikiran almarhum kerana sejarah perjuangannya telah dipahat dengan seribu keteladanan seperti sabar, amanah, berani bersuara, menyantuni pengikut, kuat beribadat, pengarahannya yang jelas serta semenjak kecil diasuh dengan lingkungan agama yang mengesankan kehidupan peribadinya.

Buku ini ditulis dan disusun bukan untuk mengkultuskan almarhum, juga bukan untuk mendewakan Hassan Al Banna namun sosok peribadi ini mempunyai sejarah yang cukup signifikan kepada pemeraksanaan perjuangan Islam di abad moden terutama di negara kita sendiri. Bahkan penubuhan gerakan Hizbul Muslimin di Gunung Semanggol pada tahun 1948 juga berinspirasi dan bermodelkan gerakan ini (Khoo Kay Kim: 1994). Gerakan kebangkitan Islam terutama dikalangan mahasiswa Universiti tempatan dan luar negara pada dekad 70-an dan 80-an juga mendapat suntikan fikrah daripada ideologue besar ini (Riduan Mohd Nor: 2004).

Selamat membaca dan menyemak jasa besar almarhum kepada perjuangan Islam di zaman yang penuh dengan fitnah ini. Pelbagai tulisan yang dihimpunkan ini sangat bermanfaat dan ada yang menyentuh tangkai hati keharuan kita seperti tulisan ayahanda kepada almarhum, Abdul Rahman dan anakanda almarhum, Ahmad Saiful Islam. Begitu juga dengan petikan daripada Sheikh Hassan Hudhaibi dan As Syahid Syed Qutb yang memperkatakan tentang almarhum yang lahir daripada kebeningan hati yang merasa begitu terhutang budi kepada jasa dan sumbangan Hassan Al Banna terutama dalam meletakkan dinamika tarbiah (kaderisasi) dalam jamaah Ikhwan Muslimin.

Pihak penerbit merakamkan jutaan penghargaan kepada Ustaz Riduan Mohamad Nor dan kumpulan penterjemaah artikel seperti Ustaz Akmal, Ustaz Fakhru Razi, Ustaz Naim dan teman-teman yang menyumbang tenaga untuk menjayakan bingkisan 'penghormatan dan dedikasi' ini untuk almarhum Hassan Al Banna.

Pihak penerbit juga merakamkan ucapan terimakasih pada Ustaz Syed (Jordan) dan pihak akhbar As Sabil (Ikhwanul Muslimin Jordan) dimana sebahagian esei yang diterjemaah dan diterbitkan ini adalah himpunan tulisan sempena memperingati seratus tahun Hassan Al Banna. Segala kekurangan, mohon dimaafkan dan ditegur keterlanjuran kami.

Selamat membaca!

Penerbit.

PEMUDA YANG MERUBAH PETA DUNIA ISLAM

Alhamdulillah, segala puji dan syukur dipanjatkan kepada Allah SWT, tuhan maha agung yang tidak pernah sesaat terlalai memerhati kita. Selawat dan salam ke atas junjungan Nabi SAW, kaum keluarganya, para sahabat, para tabiein dan para pejuang Islam disepanjang zaman yang telah berjuang sehingga kita tersentuh dengan nikmat Iman dan nikmat Islam.



Buku kecil ini menemui pembaca sempena memperingati seratus tahun Imam Hassan Al Banna (1906-2006), sosok manusia yang telah berjasa besar dalam mengagaskan perjuangan untuk menegakkan kembali khilafah Islam yang telah ditumbangkan pada tahun 1924. Bukanlah niat penyusun untuk mengkultuskan dan mendewakan Hassan Al Banna seolah manusia tanpa palitan dosa dan kesalahan, namun secara jujur kita harus terbuka dan mengakui peranan almarhum dalam mengagaskan perjuangan Islam dalam dunia kontemporari, menubuhkan Ikhwanul Muslimin yang akhirnya menjadi ikon kepada gerakan Islam lain yang muncul di kemudian hari di pelbagai tempat peta umat Islam. Hassan Al Banna berjaya meredah belantara kecelaruan berfikir umat Islam di awal abad 20, menyatukan pelbagai aliran pemikiran di Mesir, merencanakan kembali manhaj perjuangan Islam dalam usaha menegakkan kembali kemuliaan Islam.

Sosok pejuang ini cukup berkarisma dan mempunyai pelbagai pakej kepimpinan ummat, beliau pintar meluncurkan bahasa-bahasa pidato yang indah serta memukau, mampu mematahkan hujah musuh, senang didekati oleh pengikut, mempunyai aura sebagai pendakwah dan pemimpin, sebagaimana diungkapkan oleh beberapa penganalisa gerakan Islam, pengkaji Barat malah teman-teman dalam perjuangan .

Ustaz Umar Tilmisani pernah berkomentar tentang almarhum dalam satu memoir beliau,

*“**Sesungguhnya peranan Hassan Al-Banna umpama tiupan angin lembut dan basah kala dinihari, mengibas debu-debu semalam yang telah melekat pada daun-daun pokok bunga yang sedang dilamun mimpi yang enak pada kesepian akhir malam sehinggalah terbitnya matahari pada waktu pagi. Pengajaran Hassan Al-Banna menyedarkan orang-orang yang sedang tidur dan lalai. Beliau mendapat sambutan mesra dan hangat ibarat keindahan bunga Mawar, bunga Jasmin, rerumput Aas dan Nasrin yang sedang mekar dan semerbak mewangi, mendatangkan keseronokan kepada orang-orang yang bertasbih memuji keindahan ciptaan Allah dan yang sedang***

merenungi kegemilangan ciptaan Allah Al mabdi dan Yang Maha Mengetahui”.

Dakwah Hassan Al-Banna terus berjalan umpama jalaran kehidupan yang menyegarkan kembali seluruh jasad tumbuh-tumbuhan, beransur-ansur kembang dan subur padahal tadinya telah hampir layu dan berkecai. Beliau membawa kesedaran, kemuliaan dan kekuatan. Beliau membuktikannya dengan amal dan pelaksanaan. Kilatan cahayanya yang bersifat toleransi menggerunkan musuh syariat Islam. Satu perkara yang paling menghairahkan ialah belum pernah ada satu jamaah Islam pun (sebelum mereka) yang terdedah kepada gangguan seteruk gangguan yang menimpa al-Ikhwatul Muslimin.”(Omar Al-Tilmisani:1990).

Ungkap Robert Jackson, *“Beliau adalah ahli siasah yang pintar, pemimpin yang gagah, ulama yang kuat hujahnya, ahli falsafah yang di pandang, pemidato yang matang, dan penulis yang bermisi. Semua aspek ini muncul sebagai sifat semula jadi beliau (Hassan Al-Banna). Nah, satu pengakuan yang luhur daripada seorang bukan Islam terhadap almarhum.*

Secara jujurnya beliau bukan sekadar ideologue yang hanya bijak bermain dengan pandangan besar untuk perubahan malah terjun berselutlumpur dengan masyarakat dengan kerja Islam yang praktikal, sebagaimana yang diungkapkan oleh Tantawi Jauhari.

“Pada pandanganku, Hassan al-Banna lebih hebat daripada Jamaluddin al-Afghani dan Muhammad Abduh(pemikir besar Islam pada awal abad 20-penulis). Beliau adalah contoh gabungan ketakwaan dan kepintaran siasah yang menakjubkan. Beliau berhati Saidina Ali dan berakal Muawiyah. Aku melihat pada beliau sifat-sifat pemimpin yang telah kehilangan dari dunia Islam.”

Kepintaran dan bakat yang mengapung peribadi Almarhum adalah kurnian Ilahi yang paling tuntas.Tidak menjadi kehairanan jika dengan sekali mendengar kejernihan daripada pidato beliau, manusia akan tertarik pada fikrah yang dibawa oleh beliau.

“Hassan Al-Banna ibarat ensiklopedia yang luas lagi lengkap. Beliau berbicara mengenai semua tajuk biarpun apa jenisnya tanpa persediaan. Beliau menggunakan gaya bahasa yang mudah dan ungkapan –ungkapan yan sesuai.” Ujar Dr. Ishaq Al-Husaini , seorang tokoh yang membuat kajian mendalam tentang almarhum dan gerakan Ikhwatul Muslimin.

Buku kecil ini diterbitkan dengan menghimpun beberapa tulisan penulis sendiri dan beberapa orang tokoh Ikhwanul Muslimin yang saya petik daripada akhbar gerakan Ikhwanul Muslimin, As-Sabil dalam kerangka tujuan untuk memperingati seratus tahun Hassan Al-Banna.

Hassan Al-Banna telah mencetuskan banyak fenomena kepada perkembangan Islam di zaman Islam mula dirungkai satu persatu oleh musuh. Di antara sumbangan beliau yang sewajarnya dunia Islam mengalung pengiktirafan ialah:-

DINAMIKA TARBIAH DAN DAKWAH

Pergerakan Ikhwanul Muslimin menjadi ikon dan suri tauladan kepada gerakan lain kerana kejayaan program pemerkasaan jentera jamaah melalui sistem tajnid (kaderisasi) yang berkesan, dengan kata lain tanpa dinamika tarbiah maka Ikhwan malah gerakan Islam lain akan menjadi lesu malah berpotensi berkubur dengan kehilangan pemimpin-pemimpin utama gerakan.

Hassan Al-Banna telah meletakkan tarbiah sebagai asas dan elemen paling penting dalam gerakan, beliau mengungkapkannya dalam Risalah Taalim tentang pembinaan sasiyah dan jatidiri seorang pejuang. Dalam risalah At-Ta' alim, Asy-Syahid Hassan Al-Banna menempatkan ikhlas sebagai rukun kedua di antara rukun-rukun bai'at setelah rukun faham (pemahaman) yang didambakan tentang Islam, dalam bingkai Ushulul-Isyirin (Dua Puluh Prinsip) yang menjadi rujukan penting kepada ahli gerakan Islam di seluruh dunia.

Menurut Al-Banna ikhlas adalah: *“Seorang akh Muslim mengarahkan ucapan, perbuatan dan jihadnya hanya untuk Allah, mencapai keredhaanNya dan mendapat pahalaNya yang baik, tanpa memandang keuntungan kebendaan, kebaikan rupa, kehormatan, kepenatan berjuang, kemajuan, atau kemunduran. Dengan demikian ia menjadi seorang tentera (jundi) fikrah dan akidah, bukan tentera kesenangan dan keuntungan.”*

Dalam tarbiyahnya, Ikhwan sangat menekankan nilai-nilai mengikhlasakan diri dan benar-benar memperingatkan agar pendokongnya menghindari sifat suka menonjolkan diri yang justeru acapkali menghancurkan perjuangan. Hassan Al-Banna sendiri seorang tokoh yang berjaya mengaplikasikan makna ikhlas sebagaimana yang pernah dirakamkan oleh Ustaz Omar Tilmisani;